

01/06/1998

Mara tubuh tabung bantu pelajar daif

Rahman Hashim

MELAKA, Ahad - Majlis Amanah Rakyat (Mara) bercadang menubuhkan Tabung Pendidikan Mara dalam usaha membantu pelajar yang tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk meneruskan pelajaran.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata cadangan itu sudahpun diluluskan di peringkat kementerian dan kini hanya menunggu persetujuan daripada Kementerian Kewangan.

Katanya, dana tabung itu akan diperoleh secara sumbangan sukarela oleh bekas pelajar yang pernah mendapat biasiswa atau pinjaman Mara bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan.

Beliau berkata, setakat ini, kerajaan mengenal pasti lebih 118,000 bekas pelajar yang pernah menerima bantuan Mara.

"Saya berharap bekas pelajar ini dapat membantu pula kerajaan dengan menghulurkan sumbangan secara ikhlas kepada dana tabung pendidikan ini," katanya selepas melancarkan program pendidikan Ansara (Anak Sains Mara) dan tabung pendidikan Ansara di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Kem Terendak, dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah presiden Ansara, Mukhriz Mahathir dan Timbalan Ketua Pengarah Mara, Mydin Shariff.

Menurut Mustapa, Mara juga berusaha memberi bantuan kewangan kepada 25,000 pelajar tajaannya yang mendapat tempat di beberapa institusi pengajian tinggi awam (Ipta) tempatan.

Katanya, berikutan kegawatan ekonomi sekarang, ramai pelajar yang ditawarkan tempat di Ipta, terpaksa menolak tawaran itu berikutan yuran pengajian yang tinggi.

Beliau berkata, peruntukan bantuan pengajian tinggi daripada RM63juta kepada RM101 juta yang diluluskan kerajaan baru-baru ini, dapat membantu Mara menyalurkan bantuan itu pelajar yang terbabit.

"Berikutan kegawatan ekonomi sekarang, keputusan kerajaan tidak menghantar pelajar ke luar negara dapat menjimatkan perbelanjaan Mara, sekali gus wang itu dapat digunakan untuk membantu pelajar dalam negara," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Mukhriz berkata, program pendidikan dan tabung pendidikan Ansara bertujuan menyediakan tapak kepada ahli untuk kembali ke sekolah dan memberi bimbingan serta motivasi kepada pelajar.

Katanya, usaha itu akan dilakukan secara berperingkat dan bukan saja merangkumi MRSM seluruh negara, malah turut membabitkan sekolah kerajaan di pedalaman dan luar bandar.

(END)